

Headline	2465 kes HIV baru dikesan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	11 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	459,793
Page No	4	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	111 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,487
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,460



2,465 kes HIV baru dikesan

SANDAKAN 10 Dis. - Sebanyak 2,465 kes jangkitan HIV baru dicatatkan bagi sembilan bulan pertama tahun ini dengan 1,958 adalah golongan lelaki.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (**gambar**) berkata, penyumbang utama jangkitan HIV dan AIDS di negara ini adalah perkongsian jarum suntikan tercemar kuman HIV, hubungan seksual dengan mereka dijangkiti, hubungan seks bebas dan jangkitan kepada anak melalui ibu yang menghidap HIV.



“Secara keseluruhannya, sejak 1986 hingga September tahun ini, 93,827 kes jangkitan HIV dikesan di negara ini,” katanya dalam ucapan perasmian sambutan Hari AIDS Sedunia peringkat Kebangsaan, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan (Kesihatan Awam) Dr. Lokman Hakim Sulaiman.

Rosnah berkata, melalui langkah pencegahan secara menyeluruh itu, kerajaan berjaya mengurangkan kes baru jangkitan HIV secara signifikan.

Katanya, mulai 2003, kes jangkitan HIV baru menurun kepada 6,756 kes dan penurunan terus berlaku secara konsisten.

“Pada tahun lepas, sejumlah 3,652 kes baru HIV dikesan dengan kadar 12.6 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

“Kerajaan menasarkankan untuk mengurangkan kadar kejadian kes baru HIV kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015,” katanya. - BERNAMA